



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
Department Of Veterinary Services
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6021
E-mel : pro@dvs.gov.my
Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENANDATANGANAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR DENGAN ROMPIN DAIRY FARM SDN. BHD.

1 SEPTEMBER 2026 | GARDEN HALL, MAEPS, SERDANG, SELANGOR

SERDANG, 1 September 2026 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Rompin Dairy Farm Sdn. Bhd. (RDF) hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi menjalin kerjasama strategik dalam pengeluaran semen beku lembu serta penyelidikan berkaitan pembiakan dan pembiakbakaan ternakan.

Pemeteraian MoU ini merupakan satu lagi usaha DVS dalam memperkukuh kerjasama antara kerajaan dan pihak industri bagi meningkatkan kualiti genetik serta produktiviti ternakan tempatan, khususnya dalam sektor ruminan.

Menerusi kerjasama ini, RDF akan membekalkan pejantan lembu baka Giromas terpilih kepada Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan (IBVK), DVS bagi tujuan pengeluaran semen beku. IBVK akan melaksanakan proses berkaitan termasuk pengurusan pejantan terpilih, pemungutan dan penilaian semen, pemprosesan serta penyimpanan semen beku mengikut prosedur dan piawaian yang ditetapkan.

Kerjasama ini turut merangkumi pelaksanaan program perkhidmatan lanjutan, perkongsian sumber, fasiliti, data, pengetahuan dan kemahiran serta penyelidikan dan penerbitan bersama dalam bidang berkaitan.

Penghasilan semen beku daripada baka Giromas dijangka dapat memperluaskan akses kepada sumber genetik ternakan berkualiti serta menyokong usaha

meningkatkan kadar pengeluaran dan produktiviti lembu tempatan melalui penggunaan teknologi pembiakan yang lebih sistematik.

Pada masa yang sama, kerjasama strategik antara DVS dan RDF ini akan membuka ruang kepada perkongsian kepakaran antara sektor awam dan industri dalam penyelidikan, pembangunan teknologi pembiakan serta pemeriksaan sumber genetik ternakan tempatan.

Inisiatif ini selaras dengan usaha Kerajaan untuk memperkukuh industri ternakan negara melalui peningkatan keupayaan pengeluaran baka berkualiti, penggunaan teknologi pembiakan dan pembiakbakaan serta pembangunan sumber genetik haiwan secara mampan.

DVS berharap kerjasama ini dapat menjadi pemangkin kepada penghasilan baka ternakan yang lebih berkualiti dan produktif, sekali gus menyumbang kepada peningkatan pengeluaran ruminan serta memperkukuh agenda keterjaminan makanan negara.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
1 SEPTEMBER 2026**



